



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

# **GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL**

## **JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN BPPDP**

**BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN  
DASAR PENDIDIKAN  
EDISI 2022**

## GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL PENERBITAN JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN BPPDP

### SYARAT DAN GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL BAGI JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN BPPDP

#### 1.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan tatacara penulisan artikel untuk dimuatkan dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan terbitan Bahagian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

#### 2.0 PENGENALAN

- 2.1 Sumbangan artikel bagi Jurnal Penyelidikan Pendidikan BPPDP adalah terbuka kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) seluruh Malaysia.
- 2.2 Artikel yang ditulis berdasarkan hasil kerja penyelidikan terkini dalam bidang pendidikan. Kandungan artikel hendaklah dalam bentuk berikut:
  - a) hasil kerja penyelidikan; dan
  - b) penemuan, kaedah atau aplikasi baharu.

#### 3.0 SYARAT PENERIMAAN

- 3.1 Artikel yang ditulis merupakan karya asli penulis dan belum pernah diterbitkan dalam mana-mana penerbitan jurnal, prosiding atau seumpamanya sama ada di dalam atau luar negara.
- 3.2 Artikel hendaklah dihantar dalam bentuk **salinan lembut (softcopy)** dan format **Microsoft Word** dan **PDF** seperti yang telah digariskan dalam Perkara 4.0 hingga Perkara 7.0.

#### 4.0 FORMAT PENULISAN

- 4.1 Semua artikel hasil kerja penyelidikan atau penilaian pendidikan mestilah mengikut format yang ditetapkan dalam garis panduan ini.

- 4.2 Artikel ditulis sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
- 4.3 Panjang artikel mestilah antara 3000 hingga 5000 patah perkataan mengikut format berdasarkan sistem penulisan *American Psychological Association 7<sup>th</sup> Edition* (APA). Artikel hendaklah ditaip di atas kertas bersaiz A4 dalam jarak langkau 1.0 (*single spacing*) menggunakan huruf *Times New Roman* bersaiz 12.
- 4.4 Artikel mestilah ditaip di atas kertas bersaiz A4 menggunakan jidar berikut:
- a) atas: 2.54 cm/1 inci
  - b) bawah: 2.54 cm/1 inci
  - c) kiri: 2.54 cm/1 inci
  - d) kanan: 2.54 cm/1 inci
- 4.5. Tajuk artikel perlulah ringkas dan padat. Nama penuh penulis artikel diletakkan di bawah tajuk berserta nama institusi yang diwakili. Format bagi maklumat ini adalah seperti berikut:
- a) Tajuk artikel:
    - saiz: 12
    - *bold* dan *uppercase*
    - *centered*
  - b) Nama penulis dan gelaran:
    - saiz: 10
    - *bold* dan *uppercase*
    - *centered*
  - c) Nama institusi:
    - saiz: 10
    - *bold* dan *titlecase*
    - *centered*
  - d) Alamat e-mel (penulis pertama sahaja):
    - saiz: 9
    - *italic*
    - *centered*

4.6 Abstrak merupakan sinopsis artikel yang padat, ringkas dan merangkumi aspek permasalahan, objektif, kaedah, dapatan dan kesimpulan. Jika artikel ditulis dalam bahasa Melayu, maka abstrak turut ditulis dalam bahasa Melayu atau sebaliknya. Format bagi penulisan abstrak adalah seperti berikut:

- a) tidak melebihi daripada 120 patah perkataan
- b) format *italic*
- c) bersaiz 10
- d) *justified*

4.7 Penulis perlu memberikan lima (5) kata kunci dan diletakkan di bawah abstrak. Tajuk kata kunci perlu ditulis menggunakan saiz 10 dan format normal, manakala perkataan bagi kata kunci mestilah *italic*, bersaiz 10 dan *justified*.

4.8 Bahagian dalam artikel perlu mengandungi:

- a) Pengenalan / *Introduction*
- b) Pernyataan Masalah / *Problem Statement*
- c) Tujuan Kajian / *Research Purpose*
- d) Objektif Kajian / *Research Objectives*
- e) Tinjauan Literatur / *Literature Review*
- f) Metodologi Kajian / *Research Methodology*
- g) Dapatan Kajian / *Findings*
- h) Perbincangan / *Discussion*
- i) Rumusan / *Conclusion*
- j) Rujukan / *References*
- k) Lampiran / *Appendix* (jika ada)

Tajuk bagi setiap bahagian artikel di atas perlu ditulis dalam format *bold* dan huruf bersaiz *Times New Roman* 12.

4.9 Teks artikel pula hendaklah ditulis menggunakan format normal dalam jarak langkau 1.0 (*single spacing*), huruf *Times New Roman* bersaiz 12 dan *justified*.

4.10 Keterangan berkaitan jadual dan rajah ditulis dahulu sebelum memasukkan jadual dan rajah yang berkenaan dari jidar kiri.

4.11 Jadual atau rajah hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1/ Rajah 1, Jadual 2/Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk bagi jadual dan rajah perlu ditulis di atas jadual dan rajah.

## 5.0 SPESIFIKASI JARAK

Penulis juga dimohon untuk mematuhi format berikut dalam penulisan jurnal:

- a) nama penulis diletakkan di bawah tajuk artikel dengan diselangkan satu baris;
- b) maklumat institusi penulis diletakkan di bawah nama penulis;
- c) jarak di antara subjudul dengan baris terakhir teks sebelumnya ialah satu baris;
- d) jarak di antara subjudul dengan baris pertama teks selepasnya ialah satu baris;
- e) jarak di antara perenggan ialah satu baris;
- f) permulaan subjudul dari jidar kiri;
- g) permulaan baris pertama perenggan dengan jarak dari jidar kiri;
- h) jarak di antara ayat terakhir dengan jadual, rajah atau ilustrasi ialah satu baris; dan
- i) jarak langkau teks 1.0.

## 6.0 RUJUKAN

Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk dalam artikel. Senarai rujukan yang lengkap hendaklah menggunakan sistem penulis – tahun (*author - date*) mengikut abjad. Senarai rujukan hendaklah diletakkan di bahagian akhir sesebuah artikel. Gaya penulisan rujukan adalah mengikut *American Psychological Association (APA) 7th Edition*. Rujukan pula ditulis menggunakan format normal, bersaiz 12 dan *justified*.

## 7.0 PENGHARGAAN (jika perlu)

Penghargaan ditulis tidak melebihi daripada 50 patah perkataan pada bahagian akhir artikel sebelum bahagian rujukan.

## 8.0 HAK CIPTA

Semua artikel yang diterbitkan dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan BPPDP adalah menjadi hak milik mutlak BPPDP. BPPDP berhak menerbitkan semula artikel ini dalam pelbagai bentuk untuk tujuan ilmiah.

## 9.0 PENYERAHAN ARTIKEL

- 9.1 Artikel hendaklah dikemukakan dalam tempoh **tiga (3) bulan** daripada tarikh pelawaan mengikut format yang dinyatakan secara salinan lembut (*softcopy*).
- 9.2 Penulis utama dikehendaki melengkapkan **Lampiran A** (Borang Maklumat Penulis Artikel) atau melalui pautan: [bit.ly/maklumatpenulisartikel2022](http://bit.ly/maklumatpenulisartikel2022).
- 9.3 Penulis utama juga dikehendaki melengkapkan **Lampiran B** (Borang Pengakuan Penulisan Artikel) dan mengemukakannya bersama-sama artikel yang ditulis ke alamat e-mel [jurnal.bppdp@moe.gov.my](mailto:jurnal.bppdp@moe.gov.my)

## 10.0 PENUTUP

Penulisan bagi artikel jurnal mestilah mematuhi format yang telah digariskan dalam Perkara 4.0 hingga 7.0. Artikel yang tidak mematuhi format penulisan boleh ditolak tanpa diberi notis. Contoh artikel jurnal yang lengkap adalah seperti di **Lampiran 1**.

Sekiranya penulis **tidak menerima** sebarang maklum balas daripada pihak kami **dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tutup**, bermakna artikel berkenaan **tidak dipilih untuk diterbitkan**.

**BORANG MAKLUMAT PENULIS ARTIKEL  
JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN BPPDP JILID 23/2022**

TAJUK ARTIKEL: \_\_\_\_\_

<b>PENULIS</b>	<b>NAMA (mengikut nama pada Kad Pengenalan)</b>	<b>NO. KAD PENGENALAN</b>	<b>JAWATAN/ GRED</b>	<b>ALAMAT TEMPAT BERTUGAS</b>	<b>ALAMAT RUMAH</b>	<b>NO. TELEFON BIMBIT</b>	<b>E-MEL</b>
Pertama							
Kedua							
Ketiga							
Keempat							
Kelima							

Nombor Siri:

(Untuk kegunaan urus setia)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

**PENGAKUAN PENULISAN ARTIKEL  
JURNAL PENYELIDIKAN PENDIDIKAN BPPDP JILID 23/2022**

**TAJUK ARTIKEL:**

.....  
.....

Saya ..... bernombor  
kad pengenalan ..... dengan ini mengakui bahawa:

1. Semua butiran diri yang diberikan adalah benar.
2. Artikel yang dihantar adalah hasil penulisan saya (sebagai penulis utama/bersama).
3. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi kesahihan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan.
4. Bersetuju bahawa artikel ini akan menjadi milik penerbit untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Tandatangan : .....

Tarikh : .....



**KAJIAN PENILAIAN *MIDDLE YEARS INTERNATIONAL BACCALAUREATE* PROGRAMME (MYPIB) TAHUN 2018**

Saiz: 10, bold, uppercase & centered

**DR. NURHARANI SELAMAT, DR. NOR SAIDATUL RAJEAH ZAMZAM AMIN, ANITA ISA, DR. SHEELA NAIR GOPALA NAIR, NURHAFIZAH ABDUL MUSID**

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM**

*nurharani.selamat@moe.gov.my*

Saiz: 9, italic & centered

Saiz: 12, bold, uppercase & centered

Saiz: 10, bold, titlecase & centered

**MIFTAHULJANAH KAMARUDDIN, SOFIAN AZMI TAJUL ARUS, SUSILAWATI EHSAN**  
**Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM**

**ABSTRAK**

*Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB) merupakan program pembelajaran yang diperkenalkan di bawah Inisiatif#20: Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam usaha menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan bagi menghadapi cabaran abad ke-21 serta dapat melonjakkan taraf pendidikan kebangsaan ke tahap antarabangsa. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah pelaksanaan amalan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan MYPIB dalam bilik darjah dan penerapan IB Learner Profile dalam kalangan murid tingkatan empat pada tahun 2018 yang telah mengikuti sepenuhnya pendekatan MYPIB berdasarkan standard dan keperluan yang digariskan dalam dokumen Programme Standards and Practices di 10 buah International Baccalaureate World School (IBWS) KPM. Kajian ini juga ingin mengenal pasti hubungan antara amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB dalam bilik darjah dengan penerapan IB Learner Profile dalam kalangan murid tersebut. Pentadbiran soal selidik, pemerhatian PdP dalam bilik darjah dan temu bual telah dilaksanakan ke atas 10 orang pentadbir sekolah, 245 orang guru mata pelajaran tingkatan empat dan 430 orang murid tingkatan empat di 10 buah International Baccalaureate World School (IBWS) KPM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan MYPIB dalam amalan PdP di 10 buah IBWS KPM dan tahap penerapan International Baccalaureate (IB) berada pada tahap tinggi. Analisis juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB dengan penerapan IB Learner Profile dalam kalangan murid tingkatan empat di 10 buah sekolah tersebut. Kesimpulannya, pelaksanaan MYPIB sebagai program pembelajaran yang dapat menyokong pembudayaan KBAT wajar diteruskan memandangkan potensi murid dapat dibangunkan secara menyeluruh dan mampu menyediakan murid dalam menghadapi cabaran global.*

Saiz: 10, bold, uppercase & centered

Saiz: 10, italic & justified

Saiz: 10 & italic

**Kata kunci:** *Middle Years International Baccalaureate Programme, amalan PdP berpusatkan murid, IB Learner Profile, PPPM, Inisiatif #20.*

Saiz: 10 & justified

**1.0 PENGENALAN**

Saiz: 12, bold, uppercase

Single spacing

Jarak dari jidar kiri

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan enam aspirasi dalam hasrat untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Selaras dengan hasrat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan *Middle Years Programme International Baccalaureate* (MYPIB) di bawah Inisiatif #20: Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran Abad ke-21 melalui PPPM 2013-2025. Program ini dilaksanakan bermula pada tahun 2014 melibatkan 10 buah sekolah menengah KPM.

Saiz: 12 & justified

Single spacing

MYPIB merupakan program pembelajaran yang memberi fokus terhadap amalan PdP berpusatkan murid berasaskan kerangka pembelajaran MYPIB. Pelaksanaan amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB dalam bilik darjah dapat melahirkan murid yang mempunyai *International Baccalaureate (IB) Learner Profile*, iaitu bersifat ingin tahu, berpengetahuan, pemikir, mahir berkomunikasi, berprinsip, berfikiran terbuka, prihatin, pengambil risiko, seimbang dan reflektif (International Baccalaureate Organization, 2014). Penerapan *IB Learner Profile* ini adalah selari dengan keberhasilan pembelajaran bagi abad

ke-21, iaitu mempertingkat dan membudayakan kemahiran berfikir mereka ke arah berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif.

Single spacing

**2.0 PERNYATAAN MASALAH**

**3.0 TUJUAN KAJIAN**

**4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

**5.0 TINJAUAN LITERATUR**

**6.0 METODOLOGI KAJIAN**

**7.0 DAPATAN KAJIAN**

**7.1 Tahap Amalan PdP Menggunakan Pendekatan MYPIB**

Amalan PdP menggunakan pendekatan MYPIB merujuk kepada amalan PdP berpusatkan murid yang menggunakan kerangka pembelajaran MYPIB seperti yang dinyatakan dalam dokumen MYP: *From principles into practice*. Berdasarkan Jadual 1, secara keseluruhannya tahap amalan PdP guru menggunakan pendekatan MYPIB berdasarkan penilaian sendiri guru berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.16. Tahap amalan PdP guru menggunakan pendekatan MYPIB berdasarkan penilaian murid juga selari dengan penilaian sendiri guru, iaitu berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.2.

**Jadual 1**

*Tahap Amalan PdP Menggunakan Pendekatan MYPIB*

Persepsi	N	Min	s.p.	Tahap	Contoh penulisan jadual
Guru	195	4.16	0.32	Tinggi	
Murid	390	4.2	0.44	Tinggi	

*Nota.* Indikator Tahap: Sangat Rendah (1.00-1.49), Rendah (1.50-2.49), Sederhana (2.50-3.49), Tinggi (3.50-4.49) dan Sangat Tinggi (4.50-5.00)

Seterusnya, peringkat ketiga penilaian konsensus pakar menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi atau dikenali sebagai Fuzzy Delphi Method (FDM) dilaksanakan. Ringkasan pengumpulan data dan penganalisan data ditunjukkan dalam Rajah 1.

**Rajah 1**

*Ringkasan Pengumpulan Data dan Penganalisan Data*



Contoh penulisan rajah

## 8.0 PERBINCANGAN

## 9.0 RUMUSAN

### RUJUKAN



Sila  
rujuk 7<sup>th</sup>  
Edition  
APA

Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Utusan Publications.

Johnson, B., & Christensen, L. (2000). *Educational research: Quantitative and qualitative approaches*. Allyn & Bacon.

Shaari, A. S., Ghazali, M. I., Mohd Yusoff, N., & Awang, M. I. (2017). Amalan pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum. *Proceedings of the ICECRS, 1*(1), 599-608.